



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

(Federal Agricultural Marketing Authority)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada **Pembekal Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berpengalaman dan berkelayakan serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam bidang yang tersebut di bawah dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :

TAJUK TENDER & NO. TENDER	KELAYAKAN / KOD BIDANG	TAKLIMAT TENDER/ TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN/ TARIKH TUTUP / NO. PETI TENDER
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENJENAMAAN PRODUK USAHAWAN MELALUI KERJASAMA PIHAK INDUSTRI BERKEPAKARAN (PIB) BAGI PIHAK LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN NO. TENDER : FAMA/PEMB.PRODUK/03-2022	Kementerian Kewangan Malaysia <u>Kod Bidang</u> 020501 Dan 221615	<u>Tarikh & Masa Taklimat</u> 14 April 2022 ATAU 18 April 2022 (10.00 pagi) <u>Tempat Taklimat</u> Bangunan FAMA Point, Ibu pejabat FAMA <u>Tarikh Dokumen Dijual</u> 14 April 2022 - 6 Mei 2022	<u>Harga Dokumen</u> RM300.00 (Tidak akan dikembalikan) <u>Tarikh Tutup</u> 9 Mei 2022 <u>Peti Tender</u> No.1
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) UNTUK PEROLEHAN MENAIKtaraf SISTEM AGROFAS 2.0 DAN PEMBANGUNAN SISTEM TANDATANGAN DIGITAL DAN PKI UNTUK LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) NO. TENDER : FAMA/AGROFAS&PKI/04-2022	Kementerian Kewangan Malaysia <u>Kod Bidang</u> 210103 Atau 210104 Dan 210107	<u>Tarikh & Masa Taklimat</u> 14 April 2022 (2.30 petang) <u>Tempat Taklimat</u> Bangunan FAMA Point, Ibu pejabat FAMA <u>Tarikh Dokumen Dijual</u> 14 April 2022 - 6 Mei 2022	<u>Harga Dokumen</u> RM100.00 (Tidak akan dikembalikan) <u>Tarikh Tutup</u> 9 Mei 2022 <u>Peti Tender</u> No.2

Dokumen Tender dan keterangan lanjut boleh diperolehi semasa waktu pejabat dan boleh dibeli di **Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor**. Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki menyertakan bayaran dokumen dalam bentuk **Wang Tunai** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Cek Persendirian/ Wang Pos/ Kiriman Pos/ Bank Draf tidak diterima.

Sila kemukakan Sijil Pendaftaran dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** yang asal bersama satu salinan fotokopi dan masih berkuatkuasa semasa menghadiri taklimat dan membeli dokumen tawaran. **Taklimat tender adalah diwajibkan dan hanya penama pada sijil MOF sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender. Surat Wakil Kuasa tidak diterima.**

Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (gam) dan bertanda No. Tender yang berkenaan di sebelah kiri sampul surat. Dokumen Tender ini hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor** sebelum jam 12.00 tengahari (mengikut jam di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **tidak terikat** untuk menerima tawaran tender terendah atau mana-mana tawaran. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan. Syarikat yang tidak dihubungi 6 bulan selepas tarikh tutup dianggap tidak berjaya.

Iklan ini juga boleh dilihat di www.fama.gov.my